



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 3 JUN 2022

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MAFI PASTIKAN TIADA AKTIVITI PENGEKSORTAN AYAM, LOKAL, HM -16	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2. 3.	JPVPP RAMPAS KARKAS BABI BERNILAI RM63,500, NEGARA, KOSMO -18 KARKAS BABI BERNILAI RM63,500 DIRAMPAS, LOKAL, HM -6	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
4. 5.	KEDAI MAKAN JUAL MENU TELUR PENYU DIPANTAU, NEGARA, KOSMO -14 'JANGAN TAMBAH DERITA KAMI', LOKAL, HM -22	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
6.	EMPOWERING THE RURAL ECONOMY ON THE ROAD TO SELF - SUFFICIENCY, ASIA NEWS TODAY -ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
7. 8. 9. 10. 11. 12. 13. 14. 15. 16. 17. 18. 19. 20. 21. 22. 23. 24. 25. 26. 27. 28. 29. 30. 31. 32. 33. 34.	PENENTUAN HARGA MAKSIMUM AYAM, TELUR DILANJUT HINGGA 30 JUN, LOKAL, HM -16 TENGKU PERMAISURI SELANGOR LANCAR LIMA BENIH TANAMAN, UTUSAN BORNEO SARAWAK -ONLINE LANCAR LIMA BENIH TANAMAN SELANGOR, LOKAL, HM -26 TENGKU PERMAISURI NORASHIKIN LANCAR BENIH TANAMAN SELANGOR, NEGERI SELANGOR, SH -23 SELANGOR SEDIA PELOPORI TANAMAN JAGUNG BIJIRIN, DALAM NEGERI, UM -30 BANGUNKAN TANAMAN JAGUNG BIJIRIN, NEGERI SELANGOR, SH -23 HARGA MAKSIMUM AYAM, TELUR AYAM DILANJUT SEHINGGA 30 JUN, NEGARA, KOSMO -5 LADANG TUTUP, TIADA BEKALAN AYAM, NEGARA, KOSMO -16 CUACA BURUK, HANYA IKAN SEJUK BEKU DIJUAL, NEGARA, KOSMO -16 AYAM MAHAL TIDAK HABOS DIJUAL, NASIONAL, BH -6 BANTU PENDUDUK LUAR BANDAR PERLUAS TERNAKAN, TANAMAN, NASIONAL, BH -6 SUBSIDI AYAM MANSUH: APA MEKANISME UNTUK KENAL PASTI GOLONGAN SASAR, MUKA DEPAN , SH -1 SARAN PANGKALAN DATA DINAMIK B40, KRISIS BEKALAN AYAM, NASIONAL, SH -4 HARGA MAKSIMUM AYAM, TELUR SEHINGGA 30 JUN, KRISIS BEKALAN AYAM, NASIONAL, SH -4 APUNGGAN HARGA AYAM - PENTERNAK, KRISIS BEKALAN AYAM, NASIONAL, SH -4 HARGA SILING AYAM, TELUR DILANJUTKAN HINGGA 30 JUN, NASIONAL, BH -7 MOCCIS RANCANG KELUAR 500,000 AYAM DAGING SETAHUN, NASIONAL, BH -7 PROGRAM AGRO SCHOOL MANFAAT TANAH TERBIAR, LOKAL, HM -12 GALAK ANAK MUDA CEBURI INDUSTRI TANI, MINDA PEMBACA, BH -13 KAG, KOPERASI FELCRA TINGKAT TANAMAN PADI, BISNES, BH -37 HARGA MAKANAN MUNGKIN TERUS MENINGKAT SEHINGGA 2024, BISNES, BH -35 KAG, FELCRA BERSAMA TINGKAT HASIL BERAS, BISNES, SH -28 UNDERCOVER OFFICERS TO CURB SALE OF TURTLE EGGS, NEWS IN BRIEF, NST -9 CHICKEN PRICE CAP EXTENDED TO JUNE 30, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -4 TIME TO REVISIT FOOD SECURITY POLICIES, NEWS, NST -11 CRYING 'FOWL' OVER CHICKEN FEED PRICE, MUKA DEPAN, THE STAR -1 CEILING PRICE OF CHICKEN, EGG TO STAY UNTIL JUNE 30, NATION, THE STAR -2 'WE NEED THE GOVT'S HELP', NATION, THE STAR -2	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Penentuan harga maksimum ayam, telur dilanjut hingga 30 Jun

Petre Jaya: Mesyuarat je-maah menteri bersetuju harga maksimum runcit ba-gi ayam standard, ayam super dan telur ayam dalam Penentuan Harga Maksimum Ayam dan Telur di-lanjutkan sehingga 30 Jun ini.

Menteri Perdagangan Da-lam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Alexander Nanta Linggi ber-kata, perlanjutan tempoh itu dibuat bagi memastikan Ke-luarga Malaysia bersedia de-ngan perubahan harga apa-bila penentuan harga ber-kenaan berakhir kelak.

Beliau berkata, penentuan harga ayam dan telur itu sudah dilaksanakan sejak 5 Februari lalu dan sepatutnya akan berakhir pada Abad ini.

Kata beliau, harga mak-simum bagi runcit ayam dan telur di Semenanjung sudah ditetapkan iaitu RM8.90 bagi setiap sekilogram ayam bu-lat standard, ayam bulat super (RM9.90/kg), telur ayam gred A (43 sen sebiji), telur ayam gred B (41 sen sebiji) dan telur ayam gred C (39 sen sebiji).

"Bagi Langkawi, Sabah,



ALEXANDER

Sarawak dan Labuan, harga maksimum ayam dan telur adalah berbeza mengikut zon serta daerah," katanya pada kenyataan semalam.

Tambahnya, sebagai ke-ra-jaan prihatin, Kementerian Kewangan akan meneliti ca-dangan pemberian bantuan untuk golongan sasar yang berpendapatan rendah ter-masuk kadar dan mekanis-me penyaluran bantuan bagi menangani kenaikan harga barang apabila penentuan harga maksimum itu ber-akhir.

"Penguat kuasa Keme-n-terian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan terus meningkatkan penguatkuasaan setiap ba-ri di seluruh negara untuk menentukan bekalan sen-tiasa stabil dan tiada pen-catutan berlaku di pasa-ran.

"KPDNHEP mengingat-kan komuniti peniaga supaya sentiasa beretika dalam menjalankan per-niagaan dan tidak menca-tut untuk mengaut keun-tungan yang tidak muna-sabah," katanya.

Menurut beliau, kerajaan menggalakkan pengguna untuk menggunakan kuasa beli mereka dalam mem-beli mengikut keperluan selain berbelanja secara bertemah.

"Pelaksanaan penentuan harga ini akan berkesan se-kiranya semua pihak me-mainkan peranan ma-sing-masing.

"La termasuk menyahur-kan maklumat kepada KPDNHEP sekiranya ada pihak melanggar un-dang-undang ditetapkan," katanya.

Mafi pastikan tiada aktiviti pengeksportan ayam

Kuala Lumpur: Kemente-rian Pertanian dan Indus-tri Makanan (Mafi) melalui Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksa-an Malaysia (Maqis) akan memastikan tiada aktiviti pengeksportan ayam sela-ras dengan keputusan je-maah Menteri pada 23 Mei lalu.

Mafi dalam kenyataan-nya kelmarin berkata, bagi memastikan larangan itu dipatuhi kelulusan permit yang meliputi pengekspor-

naan tidak dibenarkan," me-nurut kenyataan itu.

Menurut Mafi tindakan mengikut Subseksyen 11(2) dan 11(3), Akta Perkhidma-tan Kuarantin dan Peme-riksaan 2011 (Akta 728) bo-leh diambil terhadap sesi-apa yang melanggar pera-turan itu dan jika sabit ke-salahan, boleh dikenakan denda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara-tan tidak melebihi enam ta-hun atau kedua-duanya se-kali.

"Kawalan secara fizikal di semua pintu keluar dilak-sanakan oleh pegawai pe-nguat kuasa Maqis dan se-barang aktiviti untuk me-ngeksport komoditi berke-

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/6/2022	KOSMO	NEGARA	18



SAIRA BARU menunjukkan karkas babi yang dirampas daripada dua individu pada sidang akhbar di Seberang Perai semalam.

JPVPP rampas karkas babi bernilai RM63,500

SEBERANG PERAI – Cubaan dua lelaki untuk membawa karkas babi tidak berhasil apabila diserbu sepasukan pegawai dan anggota Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pulau Pinang (JPVPP) di Lebuh Raya Butterworth-Kulim dan Sungai Dua semalam.

Dua lelaki berusia dalam lingkungan 43 dan 51 tahun itu ditahan pada pukul 3.50 pagi bersama 431 kilogram karkas babi bernilai RM63,500.

Pengarahnya, Dr. Saira Banu

Mohamed Rejab berkata, karkas babi itu dipercayai disembelih di rumah penyembelihan tidak berlesen di Butterworth.

“Ini merupakan kes pertama selepas kerajaan negeri menguatkuasakan undang-undang Kaedah-Kaedah Binatang (Kawalan Penyembelihan) 2009 Akta Binatang 1953 bermula 1 Mei lalu,” katanya pada sidang akhbar di sini.

Menurut Saira Banu, dua lelaki itu kemudian dibebaskan selepas memberi keterangan.



PENGUAT KUASA JPV Pulau Pinang menunjukkan karkas babi yang dirampas dalam dua pemeriksaan yang dijalankan. -
Gambar NSTP/NUR IZZATI MOHAMAD

Karkas babi bernilai RM63,500 dirampas

Bukit Mertajam: Sebanyak 431 kilogram (kg) karkas babi bernilai RM63,500 dirampas dalam pemeriksaan diadakan selepas Plaza Tol Kubang Semang dan Sungai Dua, dekat sini pagi semalam.

Rampasan itu dibuat Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang melalui hasil risikan dijalankan lebih sebulan lalu.

Pengarah JPV negeri Dr Saira Banu Mohamed Rejab berkata, pemeriksaan pertama pada jam 2.35 pagi selepas Plaza Tol Kubang Semang, di sini pihaknya menahan sebuah lori dipandu lelaki berusia 43 tahun.

"Pemeriksaan mendapati lori yang membawa 264kg karkas babi itu dipercayai disembelih di sebuah rumah penyembelihan tidak berlesen di Butterworth.

"Justeru, kita membuat rampasan untuk tindakan selanjutnya," katanya pada sidang media di Pejabat JPV negeri di Bukit Tengah, di sini, serdalarn.

Jelasnya, susulan daripada rampasan pertama membawa kepada rampasan sete-

rusnya di kilometer 132.6 Lebuhraya Sungai Dua arah Selatan pada jam 3.50 pagi.

"Pada ketika itu, penguat kuasa berjaya menahan sebuah kenderaan pacuan empat roda jenis Toyota Hilux yang dipandu lelaki berusia 51 tahun sebelum pemeriksaan menemui 167kg karkas babi dipercayai diambil daripada rumah penyembelihan yang sama," katanya.

Menurutnya, kes disiasat mengikut Kaedah 5(3) Kaedah-Kaedah Binatang (Kawalan Penyembelihan) 2009 Akta Binatang 1953.

Dr Saira berkata, rampasan itu adalah kes yang pertama di bawah Kaedah-Kaedah Binatang (Kawalan Penyembelihan 2009) di Pulau Pinang selepas kerajaan negeri menguatkuasakan undang-undang berkenaan bermula 1 Mei lalu.

"Karkas babi yang dirampas akan dihantar ke makmal untuk pemeriksaan lanjut dan kita akan memohon perintah mahkamah untuk melupuskannya bagi memastikan karkas yang dipasarkan selamat untuk dimakan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/6/2022	KOSMO	NEGARA	14

Kedai makan jual menu telur penyu dipantau

KUALA TERENGGANU - Jabatan Perikanan Terengganu akan melakukan rondaan di premis-premis perniagaan di kenal pasti bagi memastikan penguatkuasaan pengharaman telur penyu di negeri ini mulai kelmarin terus dipatuhi.

Pegawai Unit Perlindungan Sumber Jabatan Perikanan Terengganu, Hairul Effendy Adzmi berkata, anggota penguat kuasa tersebut akan berpakaian biasa sewaktu melakukan rondaan berkenaan.

"Kita tidak hanya fokus Pasar Besar Kedai Payang yang terkenal dengan penjualan telur penyu malah kedai makan dan restoran.

"Ia disebabkan sebelum ini sebahagian kedai makan dan restoran turut menawarkan telur penyu rebus sebagai hidangan istimewa," katanya.

Terengganu merupakan negeri terakhir di negara ini yang mengharamkan penjualan telur penyu iaitu haiwan reptilia yang diancam kepupusan.



HAIRUL EFFENDY melakukan pemantauan penjualan telur penyu di Pasar Besar Kedai Payang, Kuala Terengganu semalam.

Jangan tambah derita kami'

500 nelayan terjejas akibat pencerobohan bot pukat tunda, penggunaan bubu naga nelayan asing

Oleh Zuhainy Zulkifli
am@hmetro.com.my

Georgetown

Kira-kira 500 nelayan pantai di enam pangkalan daerah Manjung, Perak terjejas sumber pendapatan berikutan pencerobohan bot pukat tunda dan penggunaan bubu naga di kawasan tangkapan.

Selain membunuh dan memusnahkan benih pelbagai jenis hidupan laut di perairan berkenaan, bot pukat tunda dan penggunaan bubu naga juga mendatangkan kerugian serta menjejaskan keselamatan nelayan pantai di daerah ini.

Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) Mohideen Abdul Kader berkata, pangkalan terbit ialah Parit Haji Dollah, Sungai Tiram, Kayan, Pulau Tiga, Beting Beras Basah dan Pasir Panjang.

Katanya, tinjauan CAP mendapati, kegiatan itu di-



Kegiatan itu dipercayai dilakukan pada waktu malam oleh nelayan warga asing yang berpangkalan di Bagan Datuk"

Mohideen Abdul Kader

percaya dilakukan pada waktu malam oleh nelayan warga asing yang berpangkalan di Bagan Datuk.

"CAP kesal kerana kerajaan gagal melaksanakan Akta Perikanan 1985 dengan tegas dan berkesan menyebabkan isu pencerobohan bot pukat tunda dan penggunaan bubu naga, kini berlaku secara meluas bukan saja di Perak, tetapi juga di negeri lain di utara dan di pantai timur.

"Justeru, CAP menggesa campur tangan Kementerian Pertanian dan Industri

Makanan (Mafi) supaya turun padang bertemu nelayan pantai yang terbit bagi mengetahui keadaan sebenar dan tindakan yang perlu diambil bagi menangani masalah ini," katanya menerusi kenyataan di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Mohideen berkata, jabatan dan agensi yang terbit perlu mendedahkan kepada umum mengenai hasil perbincangan dengan nelayan berkenaan dan tindakan yang diambil oleh Mafi.

"CAP percaya ketika negara sedang mengalami masalah kekurangan bekalan makanan, kehidupan masyarakat nelayan dan penggunaan akan lebih terbeban jika sumber laut terus berkurangan dan diancam kepupusan," katanya.

Nelayan, Wan Senapi Wan Man, 64, berkata, berikut masalah itu hidupan laut seperti ikan, udang dan ketam semakin berkurangan menyebabkan hasil tangkapan



NELAYAN di Pangkalan Parit Haji Dollah, Perak antara yang terkesan akibat penggunaan bubu naga.

mereka merosot dari semasa ke semasa.

"Masalah ini sudah lama berlaku, tetapi tidak ada tindakan berkesan yang diambil oleh pihak berkuasa berkenaan menyebabkan keadaan bertambah meruncing," katanya.

Nelayan, Jaafar Mohamad, 58, pula berkata, nelayan

pantai di kawasan itu bukan sahaja terjejas sumber pendapatan, tetapi juga mengalami kerugian akibat kemusnahan alat tangkapan kerana dilanggar bot pukat tunda.

Katanya, ada juga kejadian an sampan nelayan pantai terbalik selepas melanggar tali bubu naga yang dipa-

sang di kawasan berkenaan.

Nelayan, Zaini Yaakob, 46, pula berharap pihak berkenaan dapat mengawal keadaan ini dengan lebih berkesan.

"Pemantauan lebih kerap dan tindakan tegas perlu dilakukan supaya masalah ini tidak berterusan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/6/2022	ASIA NEWS TODAY	ONLINE	

Empowering the rural economy on the road to self-sufficiency



Eradicating rural poverty should be linked to self-sufficiency in our food security (agriculture) albeit to be sure not necessarily across the board, and this, in turn, entails empowering the rural economy (and by extension the economy as a whole) to be “self-sufficient”.

The link between rural poverty eradication and agriculture has always been recognised under successive Malaysia Plans. For example, under the Third Malaysia Plan (1976-1980), agriculture remained “the dominant sector of the economy” essential for “the attainment of the objectives of the New Economic Policy (NEP)”.

Nonetheless, a self-sufficient rural economy requires concerted and sustained State planning and intervention/pro-active measures – that go beyond the formulation of national strategic blueprints such as the Malaysia Plans.

Think sectoral and sub-sectoral policies and programmes that’re also organised along state-level lines – based on granular data.

It also means that we need to strike the right/appropriate balance between our domestic needs and exports – between what might be called an “import-substitution” agriculturalisation and export-oriented agriculturalisation, at least over the medium-term period (5 years).

This is to give our local agricultural sectors and related industries time to grow and develop, and which could be measured by our import dependency ratios (IDR) and self-sufficiency levels (SSLs).

If need be, the State must be prepared and committed to:

1. Command(eer) the agricultural and non-agricultural resources from the private sector to promote food security; but at the same time.
2. Ensure that the private sector can flourish and thrive in providing agricultural produce that allows us to have food security. The partial abolition of the approved permits (APs) – as ever-only a temporary solution – is a step in the right direction.

In other words, we need to have both forms of agricultural “protectionism” and “liberalisation” executed in tandem and synchronisation.

In protecting our agricultural sector, as part of the agenda to eradicate rural poverty, we need to tackle the issue of speculation and financialisation of food produce head-on.

This has to do with the transformation of forwards and futures contracts on which both the farmer/food producer and the markets depend for price stability (future) and discovery (spot) – paralleling the abuse of APs – as embodied by “derivatives”.

We should learn from the Great Food Crisis of 2008 (which badly affected Malaysia also) – which followed the onset of the Great Financial Crisis when the derivatives on mortgage-backed securities (MBS) such as credit default swaps (CDS) and collateralised debt obligations (CDOs) “exploded”. As primarily epitomised by the hedge funds, the speculators turned their attention to food crops/commodities.

When speculative activities in the international clearing markets that distort prices (and encourage hoarding activities in turn) are effectively addressed and regulated, then input costs and essential/strategic food commodity items wouldn't be subject to wild fluctuations and held “hostage”.

On the one hand, there's price gouging by cartels at the international level but on the other hand, there's also the speculators acting in concert with each other to manipulate prices for their financial benefit.

Sometimes, the speculator is the middlemen and vice-versa (i.e., when there are futures and forward contracts involved).

Needless to say, both speculation and profiteering distort the market (instead of blaming subsidies as is usually the case in the mainstream).

This isn't at all to diminish the role of supply-side and supply-chain bottlenecks but merely to point out the other reality.

Addressing this would go a long way to addressing food price inflation (purchasing power of consumers) and input costs inflation (purchasing power of farmers/producers).

Our poverty eradication agenda as embodied by the New Economic Policy (NEP) – of which a drastic/radical update and “inversion” (up-side down reforms) are sorely needed – shouldn't be hampered and held back by geo-financial vicissitudes when this is something that's even more within our control (internationally and domestically).

For example, the Bursa Malaysia Derivatives or BMD (as a result of a merger of the Kuala Lumpur Options and Financial Futures Exchange or KLOFFE and the Commodity and Monetary Exchange of Malaysia or Commex) is a highly open futures market with a high degree of foreign interest.

Therefore, we might need to further regulate this area by imposing certain requirements for foreign speculators (i.e., through the Chicago Mercantile Exchange (CME) trading platform).

One of which is the condition that there must be physical purchases of stocks (the underlying assets), i.e., crude palm kernel oil (CPKO), which can also be used to make chicken feed. That is, no cash settlement, physical settlement only (at the clearing process).

In turn, these underlying assets must be sold back to local buyers within a specified time-period (i.e., an additional contract that can't be longer than three months).

This practice could be replicated once BMD is further liberalised to allow for trading in rice and other food items.

This purely market-driven process has to run in parallel with acute State intervention – i.e., the State as the stockpiler-of-the-last resort (to ensure that prices don't deviate too much).

As such, our agricultural sector and, by extension, the rural economy would be both open and protected at the same time/simultaneously.

To begin with, the “changes” need to occur on a more fundamental level, i.e., domestically.

Although rural poverty has reduced to 12.4% on the whole, pockets of deprivation still exist in both West and East Malaysia.

The rural hardcore poor are trapped in a “vicious cycle” as a kind of a “developmental subaltern”. Policy-wise (on paper), the rural hardcore poor are included within the same development plans. In reality, they’re excluded and marginalised in terms of actual outreach – implementation and execution.

The competition between agricultural and industrialisation policies saw the former giving way to the latter – in terms of land use and space.

And within the wider agricultural sector, commodities took priority over food crops.

There’s a need for a paradigm shift and solution to resolve the policy and existential tensions.

One in which we need to rebalance our national strategic portfolios to accord greater space to food agriculture as a matter of human and national security (like climate change, for example) on the back of 4IR (Fourth Industrial Revolution) technology or digitalisation such as Internet-of-Things (IoT), Big Data artificial intelligence (AI) and robotics – to allow for spatial overlap (i.e., multi- or inter-cropping).

When the NEP was first introduced in 1970, agriculture’s share of the economy accounted about 30% or roughly one-third of the country’s GDP but has since declined to 10.5% in 2000. According to the Department of Statistics Malaysia (DOSM), agriculture contributed only 7.4% in 2020.

Within the wider agricultural sector, the agro-food sub-sectors’ contribution was at 48.2% in 2020, valued at RM52 billion.

Notwithstanding, of the estimated 5.3 million hectares of agricultural land in 2020, only 900,000 hectares (16.75%) are devoted to the agro-food sub-sectors. The rest, i.e., a whopping 4.2 million hectares (80.7%) is devoted to the “primary” commodities such as oil palm and rubber.

The current inflation phenomenon has heightened the exposure to our food insecurity and vulnerability to price shocks – heavily dependent as we are on food imports.

By inclusion, inflationary pressures have severely impacted our farmers as they’re hit by a triple whammy of rising feed costs, prolonged labour shortages, and continuing price ceilings/controls – all of which eats into their already thin profit margins.

For example, a padi planter under the Muda Agricultural Development Authority (Mada) in Kedah – which contributes somewhere between 40% to 45% of the nation’s total padi output – now has to pay RM78 for fertiliser which used to cost RM50. Pesticides hitherto costs RM48 but is presently selling for RM90.

In 2016, the average or mean income of padi planters under Mada was only a meagre RM2527 per month.

It has to be highlighted that in addition to such disproportionate levels of income, most of the padi farmers are also in debt to both government and private entities.

It’s reported that 300,000 padi planters are “drowning” in debt and, hence, the problem becomes inter-generational and, by extension, structural.

The trend is also similar for other farmers – be it vegetables or poultry, etc.

On top of that, there's the structural issues of the middlemen – cartels and monopolies – that are more often than inextricably linked to political connections (which isn't limited only to the APs).

In short, the global cost-push and supply-side inflation has only worsened the structural woes faced by our agro-food farmers – the unsung heroes of the nation.

Efforts to improve the situation can be made through the systematic expansion of contract farming, i.e., directly between the farmer and manufacturer or retailer (without the intermediation of the middlemen) – of which the Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) of Kuala Langat is an eminent example ("Agri-Tech Malaysia – Onward and Upward", EMIR Research, April 15, 2022).

Contract farming has also been practised in the broiler chicken industry since the 1980s (see "The Impact of Public-Assisted Contract Farming Programmes in Malaysia", *Journal of Agribusiness Marketing*, Vol. 7, 2015). The integrators (e.g., multinational companies/MNCs in food manufacturing) provided basic inputs like day-old chicks and feed to the farmers. In turn, the farmers agree to sell back the fully grown broilers to the integrator at mutually agreed prices.

Contract farming would improve the efficiency of the supply chain and increase farmers' income and profit. It's therefore superior to government subsidies.

This form of supply chain management (SCM) allows farmers to be connected to the global value chain (GVC) via MNCs and other private sector players.

A more integrated SCM will ensure competition among supply-chains, whether anchored by the public sector as via Fama or the Federal Agricultural Marketing Authority or private sector via the cartels, monopolies and oligopolies (rather than old/conventional system of within the supply chain) – where digitalisation will ensure the winning edge.

It'll also empower farmers with the critical exposure to market supply and demand dynamics in real-time since any information asymmetry is removed.

Empowering farmers with contract farming is key towards achieving a sustainable and self-sufficient rural economy.

(Jason Loh Seong Wei and Rosihan Addin are part of the research team of EMIR Research, an independent think tank focused on strategic policy recommendations based on rigorous research.)

03 JUN, 2022

Tengku Permaisuri Selangor lancar lima benih tanaman

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2



LAWAT PAMERAN: Tengku Permaisuri Norashikin (kanan) berkenan meluangkan masa melawat pameran selepas menyempurnakan majlis Pelancaran Benih Tanaman Selangor di Selangor Fruit Valley Bestari Jaya, di Kuala Selangor semalam. — Gambar Bernama

Tengku Permaisuri Selangor lancar lima benih tanaman

BESTARI JAYA: Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Norashikin semalam berkenan melancarkan lima jenis benih tanaman di Selangor Fruits Valley (SFV), di sini.

Tengku Permaisuri Norashikin tiba pada jam 9.50 pagi semalam pada Majlis Pelancaran Benih Tanaman Selangor itu yang turut diringi Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur, Kemudahan Awam, Penodenan Pertanian dan Industri Asas Tani Selangor Izhah Hashim.

Tengku Permaisuri Selangor turut berkenan memberi nama lima jenis biji benih tanaman iaitu dua daripadanya adalah tembikai susu (melon) varian v8 iaitu Selangor Sweet Melon (SSM) dan v12 yang dinamakan Melon Selangor (MeloSel).

Tiga lagi biji benih tanaman iaitu dua jenis jagung varian 6005 diberi nama Jagung Manis Selangor dan jagung bijirin varian 58 iaitu Grain-Sel serta buah betik varian 'A' yang dinamakan Selangor Tropical Papaya.

Tengku Permaisuri Norashikin juga berkenan untuk

melawat dan melihat tanaman yang telah dipilih nama oleh baginda sebelum ke mejasanapan dan berangkat pulang sekitar jam 11.30 pagi.

Sementara itu, Izhah berkata, kesemua benih tanaman tersebut hasil kerjasama Green World Genetics (GWG) Sdn Bhd yang merupakan satu-satunya syarikat tempatan yang menjalankan kajian pembangunan benih tanaman dalam negara.

Katanya, benih-benih melibatkan dua jenis jagung itu akan ditanam dalam masa terdekat di tanah seluas 121 hektar di Bukit Changgang, Kuala Langat dan betik di atas tanah seluas 6.7 hektar di Sungai Air Tawar, Sabak Bernam yang akan dijadikan sebagai bank benih sama ada untuk ditanam semula atau dijual.

Izhah berkata, dua jenis tembikai susu pula akan ditanam di beberapa kawasan di sekitar negeri itu antaranya di 12 rumah hijau sama ada menggunakan kaedah hidroponik atau di atas tanah di SFV yang juga disasarkan untuk dijual dan dijadikan benih.

“Di Sungai Air Tawar dan Bukit Changgang ini, kita guna untuk tujuan pembenihan. Jadi, kita perlu tanam dalam jumlah yang banyak.

“Pengenalan benih ini juga adalah usaha Selangor dalam menerajui bidang pembakaan dan pembenihan. Kerana, benih yang baik ini menjamin 50 ke 60 peratus kejayaan dalam sektor pertanian,” katanya.

Mengulas berhubung status ayam di Selangor, kerajaan negeri bersetuju untuk meningkatkan bekalan ayam daripada 10,000 kepada 14,000 ekor ayam sehari bagi menampung permintaan ayam di pasaran negeri itu bermula hari ini.

Izhah berkata, langkah tersebut khususnya akan difokuskan di kawasan yang mengalami kekurangan bekalan ayam antaranya di Petaling Jaya dan akan dilakukan menerusi cawangan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) dan Koperasi Warga Hijrah Selangor Berhad (KOHIJRAH). — Bernama



03 JUN, 2022

Tengku Permaisuri Selangor lancar lima benih tanaman

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

BESTARI JAYA: Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Norashikin semalam berkenan melancar lima jenis benih tanaman di Selangor Fruits Valley (SFV), di sini. Tengku Permaisuri Norashikin tiba pada jam 9.50 pagi semalam pada Majlis Pelancaran Benih Tanaman Selangor itu yang turut diiringi Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur, Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani Selangor Izham Hashim.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/6/2022	HARIAN METRO	LOKAL	26



TENGGU Permaisuri Norashikin (kanan) berkenan melawat pameran di Selangor Fruit Valley Bestari Jaya.

Lancar lima benih tanaman Selangor

Kuala Selangor: Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin Abdul Rahman berkenan mencemar duli berangkat ke Majlis Pelancaran Benih Tanaman Selangor di Selangor Fruit Valley (SFV) di Bestari Jaya di sini, semalam.

Baginda tiba jam 9.40 pagi dan berkenan mendengar ucapan Pengerusi Jawatan-

kuasa Tetap Infrastruktur, Kemudahan Awam, Pemanduan Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Ir Izham Hashim.

Tengku Permaisuri Norashikin kemudian mendengar taklimat SFV daripada Pertubuhan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) dan Green World Genetics (GWC).

Baginda menyempurna-

kan majlis pelancaran benih tanaman dan berkenan melihat sendiri lima jenis buah-buahan dipamerkan menggunakan benih baru tanaman di Selangor.

Baginda kemudian turut berkenan menyiram pokok 'nangcem' iaitu kacukan nangka dan cempedak.

Izham berkata, lima benih tanaman penjenamaan ba-

haru dilancarkan Tengku Permaisuri Norashikin.

"Lima benih itu ialah dua melon (Melon Selangor dan Selangor Sweet Melon), dua jenis jagung (bijirin untuk

makanan ayam dan jagung manis) serta betik. Lima tanaman ini untuk pengeluaran benih dan diusahakan secara meluas di Selangor," katanya.

Tengku Permaisuri Norashikin laricar benih tanaman Selangor

KUALA SELANGOR - Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin Abdul Rahman berkenan mencemar duli pada Majlis Pelancaran Benih Tanaman Selangor di Selangor Fruit Valley (SFV) di Bestari Jaya, di sini pada Khamis.

Tengku Permaisuri Norashikin tiba kira-kira jam 9.40 pagi dan berkenan mendengar ucapan aluan daripada Exco Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pembedaan Pertanian dan Industri Asas Tani Selangor, Ir Izhah Hashim.

Baginda kemudian mendengar taklimat SFV daripada Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) dan Green World Genetics (GWG).

Majlis diteruskan dengan pelancaran benih tanaman yang disempurnakan Tengku Permaisuri Norashikin.

Pada majlis itu, Tengku Permaisuri Norashikin berkenan melihat lima jenis buah-buahan yang dipamer menggunakan benih baharu tanaman di negeri Selangor.

Baginda kemudian turut berkenan me-

nyiram pokok nanggem (kacukan nangka dan cempedak).

Izhah berkata, terdapat lima benih tanaman penjenamaan baharu yang dilancarkan Tengku Permaisuri Norashikin.

"Lima benih itu ialah dua *melon* iaitu *melon* Selangor, Selangor *sweet melon*, dan dua jenis jagung iaitu bijirin untuk makanan ayam dan jagung manis serta betik," ujarnya.

Menurutnya, lima tanaman bagi pengeluaran benih itu akan diusahakan secara meluas di negeri ini bagi membantu petani mengusahakan tanaman itu yang berpotensi tinggi pada masa depan.

"Projek ini akan diusahakan PKPS secara besar-besaran, misalnya tanaman betik di Sungai Air Tawar membabitkan kawasan seluas enam hektar dan jagung di Bukit Changgang di kawasan seluas 12 hektar," tambahnya.

Izhah memberitahu, tanaman itu dijangka menjadi penanda aras baharu dalam bidang pertanian moden di negeri ini.



Tengku Permaisuri Norashikin menyiram pokok nanggem pada Majlis Pelancaran Benih Tanaman Selangor di SFV di Bestari Jaya, Kuala Selangor pada Khamis.

Bangunkan tanaman jagung bijirin

Selangor sedia jadi pelopor industri itu, dijangka mampu beri keuntungan lumayan

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR
KUALA SELANGOR

Kerajaan Selangor bersedia untuk menjadi pelopor dan bekerjasama dengan negeri lain bagi membangunkan tanaman jagung bijirin bagi kegunaan makanan ayam dan ternakan halwan ruminan.

Exco Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pembedaan

Pertanian dan Industri Asas Tani Selangor, Ir Izhah Hashim berkata, pada masa ini, sebanyak 121.4 hektar tanaman jagung bijirin diusahakan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) di Kuala Langat.

Menurutnya, industri itu berpotensi besar untuk dibangunkan dan dijangka mampu memberi keuntungan lumayan jika diusahakan dengan bersungguh-sungguh.

"Kita minta negeri lain dapat bekerjasama dengan Selangor bagi penanaman jagung bijirin kerana ia dapat mengurangkan ketergantungan import.

"Permintaan ayam semakin meningkat kerana ia turut membabitkan ayam proses seperti nugget, burger dan makanan sejuk berasaskan ayam yang lain," ujarnya.



IZHAM



Ketika ini sejumlah 121.4 hektar tanaman jagung bijirin diusahakan oleh PKPS di Kuala Langat, Selangor.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas Majlis Pelancaran Benih Tanaman Selangor di Selangor Fruit Valley (SFV) di Bestari Jaya, di sini pada Khamis.

Izhah berkata, pada masa ini usaha sama itu dijalin antara PKPS dan Menteri Besar Negeri Sembilan-Pemerbadanan (MBINS) menerusi Program Inisiatif Sekuriti Makanan.

"Di Negeri Sembilan, kita ada 161 hektar, tetapi ia masih tidak mencukupi, malah jika 4,046 hektar sekali pun kita masih terpaksa bergantung dengan bijirin import," tambahnya.

Izhah berkata, Selangor sendiri misalnya tidak mempunyai tanah mencukupi bagi membangunkan tanaman berkenaan.

"Jadi apabila dikaji dan ada penyelidikan termasuk dari segi cuaca, maka tanaman ini bersesuaian ditanam di negara ini," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/6/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	30

Selangor sedia pelopori tanaman jagung bijirin

KUALA SELANGOR: Kerajaan Negeri Selangor bersedia memelopori pembangunan tanaman jagung bijirin bagi kegunaan makanan ayam dan ternakan haiwan ruminan.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur, Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Ir. Izham Hashim berkata, sebanyak 121 hektar tanaman itu diusahakan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) di Kuala Langat ketika ini.

Katanya, industri itu berpotensi besar untuk dibangunkan dan mampu memberi keuntungan lumayan jika diusahakan dengan serius.

“Kita meminta negeri lain bekerjasama dengan Selangor untuk penanaman jagung bijirin kerana dapat mengurangkan kebergantungan import.

“Permintaan ayam kian meningkat kerana turut melibatkan ayam proses seperti

nuget, burger dan makanan sejuk berasaskan ayam lain,” katanya selepas melancarkan Benih Tanaman Selangor di Selangor Fruit Valley (SFV), Bestari Jaya semalam.

Jelas Izham, kerjasama ketika ini dijalin antara PKPS dan Menteri Besar Negeri Sembilan-Pemerbadanan (MBINS) menerusi Program Inisiatif Sekuriti Makanan.

“Di Negeri Sembilan, kita mempunyai 400 ekar (160 hektar) namun ia masih tidak mencukupi. Jika ada 10,000 ekar (4,000 hektar), kita masih terpaksa bergantung dengan bijirin import.

“Selain itu, harga makanan ayam mahal hingga mencecah RM2,600 satu metrik tan sedangkan kos terlibat hanya RM500. Apabila dikaji secara menyeluruh termasuk faktor cuaca, tanaman itu sememangnya bersesuaian ditanam di negara ini,” katanya.

Harga maksimum ayam, telur ayam dilanjut sehingga 30 Jun

PUTRAJAYA - Pesyuarat Je-maah Menteri kelmarin berse-tuju harga maksimum runcit ayam standarto, ayam super dan telur ayam menerusi penentuan harga maksimum dilancarkan sehingga 30 Jun ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Etnwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Alexan-der Nanta Linggi berkata, pelaju-tikan tempoh itu bertujuan memas-tikan Keluarga Malaysia bersedia dengan perubahan harga apabila penentuan harga tersebut ber-akhir hujung bulan ini.

"Sebagai kerajaan yang pri-hatin, Kementerian Kewangan akan meneliti cadangan pem-

berian bantuan untuk golongan sasar berpendapatan rendah ter-masukiah kadar dan mekanisme penyaluran bantuan bagi mena-ngari kenaikan harga barang apabila penentuan harga maksi-mum ayam dan telur tamat pada 30 Jun," katanya dalam kenya-taan semalam.


Katanya, penentuan harga yang dilaksanakan sejak 5 Feb-ruari lalu sepatutnya berakhir Ahad ini dengan harga maks-i-mum runcit ayam dan telur bagi Semenanjung Malaysia ditetap-kan pada kadar RM8.90 sekilo-gram (kg) ayam bulat standarto, ayam bulat super (RM9.90/kg), telur ayam gred A (43 sen/biji),

telur ayam gred B (41 sen/biji) dan telur ayam gred C (39 sen/biji).

"Bagi Langkawi, Sabah, Sarawak dan Labuan, harga maksimum ayam dan telur berbeza mengikut zon dan daerah," katanya.

Sementara itu, ujarnya, pega-wai penguat kuasa KPDNHEP akan terus meningkatkan pen-guatkuasaan setiap hari di selu-ruh negara untuk menentukan bekalan sentiasa stabil dan tiada pencatutan berlaku di pasaran.

Beliau turut mengingatkan ko-muniti peniaga supaya sentiasa beretika dalam menjalankan perniagaan dan tidak mencatat urutuk mengaut keuntungan yang tidak munasabah.



ORANG ramal mendapatkan barangan makanan keperluan seperti ayam di sebuah pasar raya di Setiawangsa, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Peniaga Pulau Pinang resah kekurangan stok ekoran tindakan penternak

Ladang tutup, tiada bekalan ayam

Oleh NOOR HASLIZA NUSI

GEORGE TOWN – Baru sahaja mahu menarik nafas lega, peniaga ayam di negeri ini sekali lagi berdepan tekanan selepas golongan penternak mahu menutup operasi ladang selama dua hari bermula esok.

Penutupan tanpa alasan munasabah itu dimaklumkan pembekal sekali gus bakal menyaksikan kekurangan bekalan di peringkat peniaga.

Seorang peniaga ayam di Daerah Barat Daya dikenali Rina, 42, berkata, dia kemungkinan besar terpaksa menutup sementara operasi perniagaannya pada hari tersebut berikutan ketiadaan bekalan ayam untuk dipasarkan kepada pelanggan.

Menurutnya, penutupan premis itu bagi mengelak berdepan kerugian kos harlian dan masa operasi termasuk pembayaran gaji pekerja serta bil utiliti.

* "Kami baru hendak berlapa-



SEORANG pelanggan mendapatkan bekalan ayam di Pasar Awam Chowrasta, George Town semalam.

ng tiada setelah bekalan ayam kembali mencukupi sehingga ada yang terlebih dihantar pihak pembekal semalam (kelmarin).

"Bagaimanapun hari ini (se-

malam), kami dimaklumkan pula tentang penutupan ladang selama dua hari selingsa Ahad ini tanpa sebarang alasan munasabah daripada pihak pembekal.

"Tak mungkin kami hendak menjual hanya 20 atau 30 ekor ayam standard yang sedia ada atau dihantar daripada pembekal lain pada hujung minggu

Ini. Buang masa buka kedai jika bekalan ayam diterima terlalu sedikit," katanya kepada Kosmo! di sini semalam.

Sementara itu, seorang lagi peniaga ayam di Pasar Awam Chowrasta, Mohamad Nasir Abdul Kalam, memberitahu, dia belum boleh menarik nafas lega dengan isu bekalan ayam standard ketika ini.

Ini kerana katanya, khidmat pesanan ringkas yang diterima daripada pembekal memberi tekanan buat golongan peniaga.

"Hari ini (semalam) kami menerima bekalan mengikut kuantiti diminta berbanding sebelum ini.

"Namun kelegaan itu tidak berpanjangan dan kini saya dibelenggu keresahan apabila pembekal memberitahu bahawa mereka tidak dapat menghantar bekalan mencukupi kerana kekurangan stok.

"Keadaan ini menyukarkan kami dan juga pengguna yang mahu mendapatkan bekalan," ujarnya.

Gerai nasi lemak percuma pelajar kurang mampu jadi tumpuan

JOHOR BAHRU – Nasi lemak percuma ditawarkan seorang peniaga Siti Aishah Othman, 32, disebu kumpulan penuntut kurang berkemampuan selepas iklan mengenai amal jariah itu tular minggu lalu.

Menurut Siti Aishah, majoriti penuntut yang datang adalah warga tempatan dan mereka sebenarnya mahu untuk meminta nasi percuma.

"Namun saya faham apabila mereka menunjukkan iklan nasi tersebut sambil bertanya sama ada tawaran masih ada.

"Saya kemudian terus memberi sebungkus nasi lemak tanpa bertanya lanjut," katanya ketika ditemui di gerainya di Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Siti Aishah yang mempunyai seorang anak lelaki menjual nasi lemak RM1 dan pernah berniaga di Shah Alam sebelum ini.

Cerita Siti Aishah, dia sendiri tidak tahu bagaimana iklan itu boleh tular di media sosial tetapi menyambut baik perkara berkenaan kerana menjadi hasratnya berniaga sambil beramal.

Tambahnya, kisah hidupnya yang tidak dapat meneruskan pengajian peringkat ijazah sar-



SITI AISHAH menunjukkan iklan nasi lemak percuma di gerainya di UTM, Johor Bahru semalam.

jana muda kerana tidak mampu antara faktor yang mendorong tindakan berkenaan.

"Selama sebulan saya berniaga di UTM, saya dapati terdapat ramai penuntut yang tidak mempunyai wang belanja mencukupi.

"Sebelum saya menampal iklan ini, ada penuntut yang sama hanya membeli nasi lemak kosong dijual dengan harga RM1 setiap hari.

"Bermula daripada situ, terdetik di hati saya untuk melakukan

amal jariah dengan memberikan makanan percuma kepada penuntut yang kurang berkemampuan," ujarnya.

Tambahnya, biarpun harga barangan asas meningkat dia enggan menaikkan harga jualannya kerana tidak sampai hati apabila melihat pelanggannya yang terdiri daripada penuntut.

"Saya sendiri pernah susah. Saya akui keuntungan tidak seberapa tetapi cukup buat kami," katanya.

Cuaca buruk, hanya ikan sejuk beku dijual

YAN – Keadaan cuaca tidak menentu sepanjang minggu ini menyebabkan bekalan ikan dan hasil laut segar di negeri ini semakin menurun.

Tinjauan Kosmo! di pasar-basah di sekitar daerah Kuala Muda dan Yan mendapati peniaga pasar hanya menjual ikan sejuk beku sahaja.

Seorang peniaga ikan, Mohd. Amri Kasim, 35, berkata, dia tidak mendapat bekalan ikan segar sejak Jumaat lalu disebabkan nelayan tidak dapat turun ke laut.

Menurutnya, kebiasaannya dia akan mengambil bekalan ikan segar di Kuala Kedah atau Pasar Bisik Kota Kuala Muda untuk dijual di pasar.

"Namun ketika ini saya hanya boleh jual ikan temenung dan ikan selangit dari peti simpanan sejuk beku sahaja.

"Harga ikan temenung sejuk beku kini masih sama seperti dua minggu lalu antara RM10 hingga RM18 sekilogram mengikut saiz ikan, manakala ikan selangit pula dijual pada harga RM8 sekilogram," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Seorang nelayan Kuala Sungai Yan, Mohd. Fazil Siron, 45,



Harga ikan temenung sejuk beku kini masih sama seperti dua minggu lalu antara RM10 hingga RM18 sekilogram mengikut saiz manakala ikan selangit pula dijual pada harga RM8 sekilogram."

berkata, dia bersama kira-kira 30 nelayan lagi tidak dapat menangkap ikan sejak Jumaat lalu berikutan masalah cuaca dan laut bergelora.

"Kebiasaannya keadaan cuaca ini akan berlarutan selama seminggu," ujarnya.

Seorang lagi nelayan Kuala Muda, Mohd. Sukhri Abu Bakar, 41, berkata, tiada ikan dan hasil laut segar yang dijual di Kompleks Pasar Bisik Ikan Kuala Muda ketika ini susulan nelayan tidak dapat ke laut.

"Sudah hampir seminggu nelayan tiada pendapatan dan hanya berbelanja menggunakan wang simpanan yang ada sahaja," ujarnya.

Ayam mahal tidak habis dijual

Peniaga dakwa terpaksa jual harga lebih tinggi elak rugi

Oleh Azhar Shahrulnizam
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Walaupun bekalan ayam kurang di pasaran, peniaga ayam segar kini mengeluh akibat gagal menghabiskan jualan disebabkan harga ayam yang mahal.

Tinjauan BH di beberapa pasar basah di sekitar Kuala Lumpur, mendapati kebanyakan peniaga menjual ayam dengan harga RM9 hingga RM11 bagi setiap kilogram.

Seorang peniaga ayam, Ab-

dullah Razali, berkata beliau mendapat bekalan kira-kira 50 ekor ayam sehari berbanding 100 ekor sebelum ini dan menjualnya antara RM9 hingga RM9.50 sekilogram.

"Sekarang walaupun bekalan ayam kurang, 50 ekor ayam yang saya ada masih tidak habis dijual sebab pembeli berpendapat harganya mahal.

"Keuntungan yang saya dapat tidak banyak iaitu antara RM1 hingga RM1.50 sahaja bagi setiap kilogram. Jika saya menjual dengan harga lebih rendah, saya terpaksa menanggung kerugian," katanya di sini, semalam.

Rakannya yang hanya mahu dikenali sebagai Rahim, 47, berkata beliau terpaksa menjual ayam dengan harga RM11 seekor.

Bellau berkata, bekalan ayam sukar diperolehi sehingga beliau pernah tidak berniaga selama dua hari disebabkan ti-



Rahim menyusun ayam untuk dijual di Pasar Pudu, semalam.

(Foto Asyraf Hamzah/BH)

ada bekalan ayam.

Sementara itu, peniaga sayur yang hanya mahu dikenali sebagai Junaida, 52, berkata harga sayur kerap berubah sejak Ramadan lalu.

"Dalam masa seminggu, harga sayur kerap naik dan turun. Contohnya pada Isnin dan Selasa, harga naik tetapi pada Rabu pula harga akan turun.

"Harga terung RM6 sekilo-

gram, kacang panjang RM8 sekilogram dan cili merah pula RM18 hingga RM15 sekilogram. Kami ambil bekalan sayur daripada pasar borong dan jika harga di sana mahal, kami terpaksa menjualnya dengan harga agak mahal juga", katanya.

Pemilik kedai makan yang dikenali sebagai Rashid, 56, berkata beliau terpaksa menaikkan harga makanan disebabkan harga barang mentah meningkat.

"Kita terpaksa meningkatkan harga makanan kerana barang mentah semakin mahal. Jika dulu saya menjual nasi goreng dengan harga RM5, sekarang harganya RM6. Saya bersyukur pelanggan memahami situasi sekarang," katanya.

Suri rumah yang dikenali Nurlinda, 50, berkata beliau tidak terkesan dengan kenaikan harga ayam kerana sudah lama tidak membelinya.

Bantu penduduk luar bandar perluas ternakan, tanaman

Kota Tinggi: Kerajaan akan membantu penduduk luar bandar yang mengusahakan penternakan ayam dan tanaman makanan ternakan memperluaskan lagi perusahaannya mereka sebagai langkah jangka pendek mengatasi isu kekurangan bekalan makanan.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Mahdzir Khalid, berkata langkah itu juga selaras pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob untuk memperkasakan keselamatan makanan negara menerusi pelan jangka pendek yang diputuskan Kabinet bulan lalu.

"Bagi penduduk kampung yang ada mengusahakan penternakan ayam khususnya dan tanaman makanan ternakan, kita bersetuju membantu perluasan perusahaannya mereka menerusi skim galakan bersesuaian.

"Itu pelan jangka pendek bagi pastikan kekurangan bekalan makanan, khususnya ayam segar dapat ditangani. Agensi di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) yang ada perusahaannya ternakan dan tanaman makanan ternakan, sudah diminta gandakan jumlah perusahaannya mereka," katanya selepas Majlis Perasmian Sambutan Jubli Emas Pemubuhan KEJORA: 1972-2022 di Tanjung Balau, di sini, semalam.

Agensi di bawah KPLB yang mengusahakan projek berkenaan

termasuk RISDA, Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR), Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) dan Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH).

Mahdzir berkata, kerajaan menyediakan dana sebanyak RM500 juta di bawah 'Skim Agro Food Facilities' bagi tujuan berkenaan.

"Dana itu boleh digunakan bagi memperkasakan lagi perusahaannya pengeluaran ayam dan makanan ternakan oleh penduduk kampung dan agensi di bawah kementerian.

"Contohnya, jika ada penduduk kampung atau agensi KPLB usahakan penternakan 30,000 ayam, kita akan bantu supaya dapat ditingkatkan lebih banyak bagi menjayakan pelan jangka pendek bekalan makanan negara," katanya.

Pada 23 Mei lalu, kerajaan mengarahkan eksport 3.6 juta ayam sebulan dihentikan bermula 1 Jun sebagai sebahagian daripada lima pendekatan jangka pendek bagi mengatasi isu kekurangan bekalan bahan makanan itu sehingga harga dan pengeluaran ayam kembali stabil.

Mahdzir berkata, KPLB menumpukan kepada pelan jangka pendek sekuriti makanan negara sebagai langkah segera bagi memastikan isu kekurangan bekalan berkenaan dapat segera diatasi.

"Selepas mesyuarat Kabinet



Mahdzir (tengah) pada Majlis Perasmian Sambutan Jubli Emas Pemubuhan KEJORA: 1972-2022 di Tanjung Balau, Kota Tinggi, semalam.

(Foto Nur Aisyah Mazalan/BH)

mengenai pelan jangka pendek dalam isu kekurangan bekalan makanan bulan lalu, saya dan pengurusan tinggi kementerian bersetuju memperkasakan agensi KPLB dalam industri agro makanan.

"Kita akan bantu dan sokong kerajaan bagi memastikan pelan jangka pendek sekuriti makanan negara dapat direalisasikan," katanya.

Sementara itu, pemberian subsidi ayam secara terus kepada rakyat dan bukan kepada penternak lagi dijangka berupakan menstabilkan bekalan itu, selain membantu terus golongan sasar dalam menikmati harga lebih berpatutan.

Pensyarah Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Madya Dr Irwan Shah Zainal Abidin, berkata bagi tujuan itu, kerajaan disyorkan menggunakan pakai aplikasi MySejahtera bagi pengumpulan data untuk kategori rakyat yang layak mendapatkan subsidi tersebut.

Katanya, berdasarkan data daripada MySejahtera itu, ka-

tegori yang layak kemudiannya boleh diberikan baucar atau kupon mendapatkan subsidi secara terus.

"Melalui kaedah ini, ia boleh memastikan tiada ketirisan dalam penyaluran subsidi secara terus kepada golongan sasar, khususnya B40.

"Peubertan subsidi ini dijangka memberikan situasi menang-menang kepada penternak dan pengguna kerana hanya golongan rakyat yang layak saja menerima bantuan tersebut.

"Data (golongan layak menerima bantuan) sudah ada dan dari segi pelaksanaannya, MySejahtera boleh digunakan untuk menunjukkan seseorang itu, termasuk dalam kategori layak sebelum baucar atau kupon boleh ditebus di pasar raya tertentu," katanya kepada BH, di sini.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, mengemukakan kerajaan tidak lagi memberi subsidi kepada penternak, sebaliknya menyalurkannya kepada rakyat yang memerlukan terutama golongan B40, bermula 1 Julai ini. Perdana Menteri dilaporkan

berkata, langkah terbabit bertujuan mengurangkan beban rakyat supaya tidak terlihu terketan dengan kenaikan harga barang.

Pada masa sama, Irwan Shah berkata, langkah kerajaan itu juga boleh menstabilkan semula bekalan ayam di pasaran berikutan penternak bebas mengeluarkan stok tanpa terikat pada harga tertentu ditetapkan kerajaan selepas subsidi diberikan kepada mereka sebelum ini.

"Kita tahu kos input meningkat dan berdasarkan penternak, harga pengeluaran ayam lebih daripada harga siling ditetapkan kerajaan iaitu RM8.90 sekilogram.

"Disebabkan itu, peniaga tidak akan mengeluarkan kuantiti dalam pasaran sekali gus menyebabkan kekurangan ayam di pasaran.

"Apabila subsidi ditarik semula, penternak ayam boleh mengeluarkan bekalan yang dapat menampung semula kos dengan peningkatan harga itu ditampung kerajaan melalui penyaluran terus subsidi kepada rakyat," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/6/2022	SINAR HARIAN	MUKA DEPAN	1

Subsidi ayam mansuh: Apa mekanisme untuk kenal pasti golongan sasaran?

SUSULAN pemansuhan subsidi kepada penternak ayam mulai 1 Julai depan, kerajaan disaran mewujudkan pangkalan data B40 yang sentiasa dikemas kini. Langkah ini untuk memastikan subsidi yang akan dipindahkan kepada rakyat Malaysia nanti benar-benar sampai kepada golongan sasaran.

4



Saran pangkalan data dinamik B40

Pakar cadang kerajaan guna mekanisme bantu rakyat selepas subsidi ternakan ayam dihenti

Oleh RAIHAM MOHD SANUSI
SHAH ALAM



MADELINE

Pakar ekonomi mencadangkan kerajaan mewujudkan pangkalan data B40 yang bersifat dinamik untuk memastikan bantuan yang mahu disalurkan benar-benar sampai kepada golongan sasaran.

Felo Akademi Sains Malaysia, Datuk Dr Madeline Berma berkata, teknologi komunikasi dan maklumat perlu digunakan bagi memastikan pangkalan data itu dikemas kini setiap masa.

"Sekarang ini, data B40 kita bersifat statik kerana jumlah golongan B40 tidak sentiasa dikemas kini hingga angkanya dalam tempoh setahun kita tak nampak ada perubahan.

"Kalau pangkalan data bersifat dinamik, kerajaan akan peroleh jumlah sebenar B40 dari masa ke masa dan ia dapat pastikan tiada B40 yang tercoir daripada menerima bantuan.

"Status golongan berkenaan juga berubah mengikut keadaan, misalnya hari ini seseorang itu dikategorikan sebagai M40 tapi esoknya kalau dia hilang kerja atau dipotong gaji, dia dah turun ke B40," katanya kepada *Sinar Harian* pada Khamis.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada Rabu,



Kerajaan perlu mewujudkan satu mekanisme bagi memastikan kesemua golongan sasar mendapat bantuan yang disalurkan selepas subsidi ternakan ayam dihentikan.

mengumumkan kerajaan akan menghentikan pemberian subsidi kepada penternak ayam berjumlah RM720 juta sebulan bermula 1 Julai ini.

Subsidi tersebut akan disalurkan kepada rakyat Malaysia

yang terkesan seperti golongan B40 susulan kenaikan harga barangan termasuk ayam.

Jelasnya Madeline, kerajaan juga boleh salurkan bantuan dalam bentuk barangan keperluan harian seperti beras, gula serta

tepung gandum dan bukan dalam bentuk agihan wang tunai.

Katanya, pemberian bantuan tunai akan menaikkan harga barangan keperluan lain kerana sikap segelintir peniaga yang mengambil kesempatan.

Harga maksimum ayam, telur sehingga 30 Jun

PUTRAJAYA - Kerajaan bersetuju melanjutkan harga maksimum runcit ayam standard, ayam super dan telur ayam menerusi Penentuan Harga Maksimum Ayam dan Telur Ayam hingga 30 Jun ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, Penentuan Harga Maksimum Ayam dan Telur Ayam yang dilaksanakan sejak 5 Februari lepas, sepatutnya berakhir Ahad ini (5 Jun), dan ia dipersetujui dalam mesyuarat Jemaah Menteri pada Rabu.

"Pelanjutan tempoh ini adalah untuk memastikan Keluarga Malaysia bersedia dengan perubahan harga apabila penentuan harga ini berakhir pada 30 Jun nanti," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Menerusi Penentuan Harga Maksimum Ayam dan Telur Ayam, harga maksimum runcit ayam dan telur di Semenanjung Malaysia bagi ayam bulat standard ditetapkan pada RM8.90 sekilogram, ayam bulat super pada RM9.90 sekilogram, telur ayam gred A pada 43 sen sebiji, telur ayam gred B pada 41 sen sebiji dan telur ayam gred C pada 39 sen

sebiji.

Bagi Langkawi, Sabah, Sarawak dan Labuan, harga maksimum ayam dan telur adalah berbeza mengikut zon dan daerah.

Alexander berkata lagi, Kementerian Kewangan akan meneliti cadangan pemberian bantuan untuk golongan sasar berpendapatan rendah termasuk kadar dan mekanisme penyaluran bantuan menangani kenaikan harga barangan apabila penentuan harga maksimum ayam dan telur tamat nanti.

Jelasnya, pegawai penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan terus meningkatkan penguatkuasaan setiap hari di seluruh negara untuk menentukan bekalan sentiasa stabil dan tiada pencatutan berlaku di pasaran.

"Kerajaan mengingatkan kepada komuniti peniaga supaya sentiasa beretika dalam menjalankan perniagaan dan tidak mencatat untuk mengaut keuntungan yang tidak munasabah," katanya.

Kerajaan, kata beliau turut menyeru agar pengguna menggunakan kuasa beli mereka dalam membeli mengikut keperluan dan berbelanja secara berhemah. - *Bernama*

Apungkan harga ayam - Penternak

SHAH ALAM - Krisis bekalan ayam mentah yang berlaku di seluruh negara bukan sahaja menjejaskan para pengguna, malah mencetuskan polemik dalam kalangan penternak dan pembekal.

Susulan itu, Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob membuat keputusan menyekat eksport bekalan ayam ke Singapura bagi membantu mengatasi isu tersebut.

Bagi penternak, mereka memohon kerajaan mengapungkan harga ternakan itu selepas bayaran subsidi dihentikan mulai 1 Julai nanti.

Di **ALOR SETAR**, penternak yang juga pembekal ayam segar, Mazlina Kamarudin berkata, kemungkinan harga ayam naik sedikit pada awalnya, namun beransur pulih bergantung kepada permintaan dan penawaran sebagai penanda aras ketetapan harga ayam.

Menurutnya, apabila tiada harga kawalan, pengeluaran akan kembali merancakkan industri, menyebabkan bekalan meningkat seterusnya dapat menstabilkan harga.

"Perkara itu memang sudah kami jangka. Ia hak kerajaan. Kita bersedia, namun berharap kerajaan mengapungkan harga ayam.

"Harga kawalan RM8.90 memang tak balik modal dan tidak menguntungkan, penternak pula berdepan risiko seperti penyakit, ayam mati atau lambat membesar selain kos dedak," katanya kepada *Sinar Harian* di sini



WOOI PERNG



MAZLINA

pada Khamis.

Mazlina yang juga Pengarah Urusan Bismi Empire Sdn Bhd (Ayam Bismi) berkata, pihaknya sudah lama menghantar tuntutan subsidi bagi ayam ternakannya namun sehingga kini belum menerima bayaran.

Di **KOTA BHARU**, penternak yang mahu dikenali sebagai Rizal,

45, berkata, langkah kerajaan memansuhkan subsidi itu disambut baik kerana tindakan sebelum ini banyak menguntungkan 'pemal' industri pengusahanya dalam skala besar.

"Macam saya yang temak dalam skala kecil, proses menunggu tuntutan subsidi itu mengambil masa antara dua hingga tiga bulan sahaja. Kalau pengusaha skala besar, mereka mempunyai modal yang besar," katanya. Di **IPOH**, Persatuan Penternak Manjung meminta kerajaan tidak menetapkan harga maksimum ayam selepas tiada lagi subsidi mulai 1 Julai nanti.

Pengerusinya, Tan Wooi Perng berkata, penetapan harga siling ayam di pasaran akan merugikan penternak yang terpaksa berdepan kenaikan kos makanan ternakan itu.

Jelas beliau, sebaliknya harga ayam perlu ditentukan sendiri oleh pasaran berdasarkan permintaan dan penawaran sedia ada.

"Biarkan pasaran tentukan harga ayam sama ada murah atau mahal supaya penternak dan peniaga tak terbeban," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/6/2022	BERITA HARIAN	MINDA PEMBACA	7

Harga siling ayam, telur dilanjutkan hingga 30 Jun

Langkah bagi memastikan Keluarga Malaysia bersedia dengan perubahan selepas tempoh berakhir

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Penentuan Harga Maksimum Ayam dan Telur bagi ayam standard, ayam super dan telur ayam dilanjutkan sehingga 30 Jun ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Perdagangan, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, Kabinet bersetuju dengan perlanjutan itu diambil bagi memastikan Keluarga Malaysia bersedia dengan perubahan harga apabila penentuan harga berkenaan berakhir kelak.

Beliau berkata, penentuan harga ayam dan telur dilaksanakan sejak 5 Februari lalu dan sepatutnya akan berakhir pada Ahad ini.

"Harga maksimum bagi runcit ayam dan telur di Semenanjung sudah ditetapkan iaitu RM8.90 bagi setiap sekilogram

ayam bulat standard, ayam bulat super (RM9.90/kg), telur ayam gred A (43 sen sebiji), telur ayam gred B (41 sen sebiji) dan telur ayam gred C (39 sen sebiji).

"Bagi Langkawi, Sabah, Sarawak dan Labuan, Penentuan Harga Maksimum Ayam dan Telur adalah berbeza mengikut zon dan daerah," katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau berkata, sebagai kerajaan yang prihatin, Kementerian Kewangan akan meneliti cadangan pemberian bantuan untuk golongan sasar yang berpendapatan rendah, termasuk kadar dan mekanisme penyalaran bantuan bagi menangani kenaikan harga barangan apabila penentuan harga maksimum itu berakhir.

"Pegawai Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Perdagangan (KPDNHEP) akan terus meningkatkan penguatkuasaan setiap hari di seluruh negara untuk menentukan bekalan sentiasa stabil dan tiada pencatutan di pasaran.

"Oleh itu, KPDNHEP mengingatkan kepada komuniti peniaga supaya sentiasa beretika dalam menjalankan perniagaan dan tidak mencatat untuk mengaut keuntungan yang tidak munasabah.

"Kerajaan juga ingin menggalakkan semua pengguna



Peniaga diingatkan tidak mengaut keuntungan yang tidak munasabah ketika berdepan isu kenaikan harga barang. (Foto hiasan)

Tinjauan harga sayur sebelum Aidilfitri/semalam

TERENGGANU

(Harga asal/kenaikan per kg)

Kacang panjang:

RM6 - RM7/ RM17

Kubis bulat:

RM4.50/RM4.50

Bendi: RM15-RM16/RM13-

RM14

Terung panjang: RM10/RM8

Cili merah: RM20/RM14

SELANGOR

(Harga asal/kenaikan per kg)

Kacang panjang:

RM2.99/ RM4.99 - RM8.49

Kubis bulat:

RM2.20/ RM3.59 - RM3.99

Bendi: RM2.99/ RM8.99

Terung panjang: RM5 /

RM5.99 - RM7.99

Cili merah: RM7.99/

RM15.99 - RM18.99

Kacang buncis: RM10/

RM10

SARAWAK (KUCHING)

(Harga asal/kenaikan per kg)

Kacang panjang: RM6 /

Harga sebelum RM4

Kubis: RM5-RM6/ Harga

sebelum RM3.90

Bendi: RM8/Harga sebelum

RM4

Terung: RM10/ Harga

sebelum RM9

Cili merah: RM23/ Kekal



menggunakan kuasa beli mereka dalam membeli mengikut keperluan dan berbelanja secara berhemah.

"Pelaksanaan penentuan

harga ini akan berkesan sekiranya semua pihak dapat memainkan peranan masing-masing, termasuk dengan cara menyalurkan aduan dan mak-

lumat kepada KPDNHEP sekiranya terdapat mana-mana pihak yang melanggar undang-undang ditetapkan," katanya.

MOCCIS rancang keluar 500,000 ayam daging setahun

Kuala Lumpur: Koperasi Pegawai-Pegawai Melayu Malaysia Berhad (MOCCIS) merancang mengeluarkan purata 500,000 ayam daging setahun melalui projek penternakan yang akan bermula Julai depan.

Pengerusi Lembaga Pengarahnya, Datuk Ahmad Sobri Wan Teh, berkata hasil ternakan melalui projek yang dipantau Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Perak itu dijangka dapat dipasarkan menjelang hujung tahun ini.

"Untuk permulaan, kami hanya pasarkan dalam negara supaya dapat memenuhi keperluan ra-

kyat kita terlebih dahulu," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Beliau memaklumkan, projek berkenaan membatinkan pembinaan reban ayam tertutup dua tingkat dengan kos RM10 juta dengan jumlah ternakan dijangka mencecah 150,000 setiap pusingan.

"Ladang MOCCIS sahaja boleh mengeluarkan sekurang-kurangnya 150,000 ekor setiap pusingan atau 750,000 ekor setahun dengan purata 500,000 ayam setahun," katanya.

Katanya, kerajaan Perak meluluskan permohonan pihak ko-

operasi mendapatkan tanah seluas 100 hektar pada 2020, manakala permohonan kelulusan bagi pembinaan reban ayam dibuat pada 2021 kepada Majlis Perbandaran Teluk Intan (MPTI).

"Projek ini diberi nama Ladang MOCCIS, Changkat Jong, Teluk Intan. Ia diusahakan anak syarikat Ladang MOCCIS Sdn Bhd, iaitu Ladang MOCCIS Ternak Sdn Bhd yang hanya menjalankan aktiviti penternakan ayam.

"Perancangan seterusnya adalah membina kilang pemprosesan ayam selepas projek ternakan ini berjalan lancar," katanya.

Hasil ternakan melalui projek yang dipantau Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Perak itu dijangka dapat dipasarkan menjelang hujung tahun ini. Untuk permulaan, kami hanya pasarkan dalam negara supaya dapat memenuhi keperluan rakyat kita



Ahmad Sobri Wan Teh, Pengerusi Lembaga Pengarah MOCCIS

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/6/2022	HARIAN METRO	LOKAL	12

Gua Musang: Kenaikan harga sayur secara mendadak mendorong pengurusan Sekolah Kebangsaan (SK) Lapan Jaya di sini, mengambil inisiatif menggunakan tanah terbiar di kawasan sekolah untuk penanaman sayur dan buah-buahan tempatan.

Program Agro School yang bermula sejak tahun lalu itu membabitkan tanaman antaranya cili, terung dan sawi.

Guru Penyelaras, Mohd Jailani Mat Jusoh berkata, projek terbabit adalah inisiatif pihak sekolah yang turut membabitkan penyertaan ibu bapa dan murid.

"Sejak setahun program ini dilaksanakan, ia sedikit sebanyak membantu meredakan beban ibu bapa yang mengusahakan tanaman sayur ini.

"Hasil tanaman seperti terung, cili, sawi, betik, nangka, durian musang king dan

Program Agro School manfaat tanah terbiar



MOHD Syahbuddin (kiri) merasmikan Projek Agro School di SK Lapan Jaya, Gua Musang, Kelantan. - Gambar STR/PAYA LINDA YAHYA



Hasil tanaman seperti terung, cili, sawi, betik, nangka, durian musang king dan sawit bukan sahaja boleh membantu pihak sekolah menjana pendapatan, tetapi juga membantu masyarakat setempat yang kekurangan bekalan makanan?"

Mohd Jailani Mat Jusoh

sawit bukan sahaja boleh membantu pihak sekolah menjana pendapatan, tetapi juga membantu masyarakat setempat yang kekurangan bekalan makanan.

"Idea projek ini timbul selepas melihat tanah terbiar di sekolah selain ingin mendedahkan aktiviti pertanian kepada murid-murid, guru-guru dan ibu bapa," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis perasmian Projek Agro School di SK Lapan Jaya di sini, kelmarin.

Hadir sama, Abi Dewan Undangan Negeri (Adun) Galas, Mohd Syahbuddin Hashim.

Sementara itu, Mohd Syahbuddin memuji usaha dilakukan pihak sekolah dan memberi galakan kepada penduduk di kawasan luar bandar untuk metgusahakan tanaman di kawasan tanah terbiar.

"Selain menjana pendapatan keluarga, kawasan pertanian yang diusahakan mampu menangani isu kenaikan harga sayuran secara mendadak dihadapi kini," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/6/2022	BERITA HARIAN	MINDA PEMBACA	13

Galak anak muda ceburi industri tani

Kebelakangan ini kita semakin bimbang dengan isu berkaitan stok makanan tempatan. Banyak laporan akhbar dan analisis berkaitan dikeluarkan media yang ternyata merealisasikan pengguna.

Negara kita asalnya bergantung kepada kita terhadap bidang pertanian. Pentingnya nyak agensi kerajaan yang berkaitan.

Malah, tahap kepentingan terhadap pertanian, melahirkan Universiti Pertanian Malaysia (UPM) yang ditubuhkan pada 1931. Bagaimanapun namanya digantikan dengan Universiti Putra Malaysia pada 1997.

Satu daripada sebab pertukaran nama itu tentu sahaja kerana kita bergerak menuju sebagai negara perindustrian. Justeru, perlahan-lahan kita lihat bidang pertanian tertolak ke belakang, malah mula dilihat sebagai industri tidak menarik, kotor, berlumpur dan jarang diperkatakan.

Natijahnya, kita masih membawa masuk barang makanan dari luar negara. Misalnya, walaupun ada sawah dengan Kedah disebut sebagai 'Jelapang Padi' beras masih dibawa masuk dari Thailand.

Tahukah anda keperluan beras negara adalah 2.5 juta tan setahun dan pengeluaran tempatan tidak

mampu menampung jumlah itu. Jadi, negara membawa masuk antara 700,000 hingga 900,000 tan setiap tahun.

Sebelum ini terdapat laporan yang menyebut, import beras bukan keperluan, tetapi pilihan kerana negara mampu memenuhi 70 peratus daripada keperluan itu.

Ini bermakna import dari Thailand hanya memenuhi 30 peratus permintaan. Hal ini memang agak melegakan kerana 30 peratus bukanlah angka yang besar dan jika kementerian berkaitan bersungguh-sungguh mengurangkan import beras, pelbagai usaha boleh dilakukan.

Antaranya membangkitkan kesedaran dalam kalangan anak muda mengenai potensi bidang pertanian. Janganlah semuanya hendak berlonggok di bandar besar, bekerja di bilik berhawa dingin dan menjadi pegawai tadbir.

Ada baiknya sebahagian tinggal di kampung mengerjakan sawah atau ladang yang lebih lumayan pendapatannya. Mungkin pekerjaan sedikit teruk, namun kepuasannya lebih tinggi kerana kita menagwal masa kerja sendiri dan hasilnya lumayan.

Hal ini perlu disedarkan dengan cepat kerana kita sudah lihat banyak sawah dan ladang kini dipajak warga asing misalnya dari Bangladesh dan

etnik Rohingya.

Pembabitannya mereka dalam sektor itu malah didedari oleh pihak kementerian berdasarkan laporan akhbar sebelum ini menerusi kenyataan Pengarah Pengawalan Padi dan Beras Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MPI), Azman Mahmood yang berkata pihaknya setakat ini mengesan lebih 200 'petani import' didapati mengesahkan penanaman padi di negara ini.

Jika sebelum ini kita mendengar mereka terbabat dengan pertanian di Cameron Highlands di Pahang malah turut berniaga di pasar borong, kali ini mereka turut menjadi pesawah.

Adakah kita sebagai warganegara tidak mahu turut serta, sedangkan menyediakan keperluan makanan kepada seisi rakyat negara ini tentu sahaja pahala dan imbuhan yang besar.

Malah ia juga boleh membantu negara dalam mengurangkan kebergantungan import. Sekarang dengan pelbagai cabaran penyakit, bencana alam dan cuaca tidak menentu, sudah ada negara penganaluar makanan lebih berminat menyimpan stok untuk rakyat mereka sendiri. Setiap kali mereka berbuat demikian kita mula panik. Jadi, tidak mahukah ikut turun menyingking lengan dan kaki seluar turut terbabit dengan pertanian?

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/6/2022	BERITA HARIAN	BISNES	37

KAG, Koperasi FELCRA tingkat tanaman padi

Key Alliance Group Bhd (KAG) menerusi anak syarikat, **Agrocloud Sdn Bhd** memeterai memorandum persefahaman (MoU) untuk bekerjasama dengan Koperasi Peserta-Peserta Rancangan FELCRA Seberang Perak Bhd (Koperasi FELCRA) dalam pembangunan dan pelaksanaan Sistem Maklumat Padi di ladang FELCRA Bhd Seberang Perak di Kampung Gajah, Perak.

KAG dalam makluman kepada Bursa Malaysia berkata, cadangan itu akan meningkatkan hasil penanaman padi melalui teknologi Internet Pelbagai Perkara (IoT) dan Sistem Sokongan Keputusan melalui Sistem Maklumat Beras.

Ia juga bertujuan bagi menggunakan kaedah pertanian yang moden serta bersifat mekanikal, selain meneroka teknik tani paling sesuai yang akan ditentukan kemudian.

“Menerusi MoU itu, Koperasi FELCRA akan bertindak sebagai penyelaras cadangan kerjasama dan membantu memudahkan keperluan bagi pe-

laksanaan Sistem Maklumat Beras.

“Manakala, Agrocloud akan menyediakan Koperasi FELCRA dengan teknologi maklumat, peralatan, platform termasuk latihan berkaitan untuk cadangan kerjasama ini,” katanya.

MoU itu berkuat kuasa pada 1 Jun 2022 dan relevan sehingga 12 bulan akan datang.

MoU itu tidak akan memberi sebarang kesan ke atas modal saham atau struktur pegangan saham KAG, namun ia dijangka mempunyai sumbangan positif kepada pendapatan sesaham masa depan kumpulan, aset bersih sesaham dan penggearan.

Koperasi FELCRA adalah sebuah pertubuhan yang diperbadankan di Malaysia serta berdaftar dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SSM) dengan tujuan untuk meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat yang mengambil bahagian melalui penubuhan entiti komersial dan perniagaan yang berorientasikan kepada kebajikan serta pemerikasaan ahlinya.

Harga makanan mungkin terus meningkat sehingga 2024

Kawalan eksport, gangguan perdagangan global antara faktor jejas rantaian bekalan

Oleh **Mahamud Abdul Aziz**
mahamud_aziz@bb.com.my

Kenaikan harga makanan dan bekalan yang semakin berkurangan akibat perang Russia-Ukraine berkemungkinan akan ber-

jarutan sehingga 2024, demikian menurut S&P Global Ratings.

Dalam laporan RatingsDirect *The Global Food Shock Will Last Years, Not Months*, ia berkata bahawa kekurangan bahan kawalan eksport, gangguan perdagangan global serta kos bahan api dan pengangkutan yang meningkat semuanya akan memberi tekanan yang lebih tinggi ke atas kos bahan rupa.

"Analisis kami menunjukkan negara berpendapatan rendah dan rendah hingga sederhana di Asia Tengah, Asia Barat, Afrika dan Caucasus mungkin paling teruk terjejas oleh kesan pushtangan pertama," kata Penganalisis Kredit S&P Global Ratings, Samuel Tilleray.

Laporan itu mendiri negara pengimport terkumpul terbesar berbanding Kuaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi item bijirin dan minyak bijirin yang paling ketara terjejas oleh konflik.

Negara Caucasus seperti Tajikistan, Uzbekistan dan Armenia khususnya terdedah melalui pergantungan mereka yang hampir sepenuhnya kepada Russia untuk komoditi makanan utama itu, sekiranya sekatan atau pengekalan sendiri merumitkan perdagangan.

Begitu juga dengan negara Arab seperti Maghribi, Lubnan, Mesir dan Jordan, yang masing-masing bergantung kepada Ukraine untuk bekalan makanan,

oleh itu terdedah kepada gangguan akibat perang terhadap perubahan dan aktiviti pengprosesan.

"Kami percaya kejutan terhadap bekalan makanan akan memberi implikasi negatif kepada negara pasaran baharu muncul, menjelaskan pertumbuhan KDNK, prestasi fiskal dan kestabilan sosial," kata Tilleray.

Potensi kesan terhadap peredaran kredit kejutan akan bergantung kepada tahap dan terjejasnya kejutan makanan, keupayaan kerajaan untuk meminimumkan kos sosial dan ekonomi dan usaha antarabangsa untuk membantu negara yang terjejas.

"Walaupun kebanyakan kerajaan yang paling terdedah kepa-

da risiko ini sudah mempunyai penarafan kredit yang sangat rendah, kesan negatif ekonomi atau politik akibat kejutan makanan boleh menyumbang kepada penurunan penarafan," kata Tilleray.

Ukraine dan Russia, kedua-duanya atau secara individu dalam kedudukan antara tiga pengeksport global teratas sandal, jaheung, biji sesawi, biji bunga matahari dan minyakakbanganmatabari, yang mana secara bersama, kedua-dua negara itu menyumbang 12 peratus daripada semua kalori makanan yang didagangkan.

Russia dan Belarus adalah pengeksport baja pertama dan kedua terbesar di dunia pada 2020.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/6/2022	SINAR HARIAN	BISNES	28

KAG, Felcra bersama tingkat hasil beras

KUALA LUMPUR - Key Alliance Group Bhd (KAG) mengumumkan bahawa subsidiarinya, Agrocloud Sdn Bhd telah memeterai memorandum persefahaman (MoU) untuk bekerjasama dengan Koperasi Peserta-Peserta Rancangan Felcra Seberang Perak Bhd (Koperasi Felcra) dalam pembarangan dan pelaksanaan

Sistem Maklumat Padi di ladang Felcra Bhd Seberang Perak di Kg Gajah, Perak.

KAG dalam makluman kepada Bursa Malaysia pada Khamis berkata cadangan tersebut akan meningkatkan hasil penanaman padi melalui teknologi Internet Pelbagai Perkara (IoT) dan Sistem Sokongan Keputusan melalui Sistem

Maklumat Beras.

ia juga bertujuan bagi menggunakan kaedah pertanian yang moden serta bersifat mekanikal, selain meneroka teknik tani paling sesuai yang akan ditentukan kemudian.

“Menerusi MoU itu, Koperasi Felcra akan bertindak sebagai penyelar cadangan kerjasama dan membantu memudahkan keperluan bagi pelaksanaan Sistem Maklumat Beras.

“Manakala, Agrocloud akan menyediakan Koperasi Felcra dengan teknologi maklumat, peralatan, platform termasuk latihan berkaitan untuk cadangan kerjasama ini,” katanya.

MoU itu berkuat kuasa pada 1 Jun 2022 dan relevan sehingga 12 bulan akan datang.

MoU itu tidak akan memberi sebarang kesan ke atas modal saham atau struktur pegangan saham KAG, namun ia dijangka mempunyai sumbangan positif kepada pendapatan sesaham masa depan kumpulan, aset bersih sesaham dan penggearan.

Koperasi Felcra adalah sebuah pertubuhan untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi ahli-ahli dan masyarakatnya. -Bernama



MoU itu menggalakkan kaedah pertanian moden bersifat mekanikal dan teknologi IoT : Gambar Hiasan

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/6/2022	NST	NEWS WITOUHT BORDERS	9

Undercover officers to curb sale of turtle eggs

KUALA TERENGGANU: The Terengganu Fisheries Department will go undercover to monitor the sale of all turtle and *tuntung* (river terrapin) eggs after the ban on the sale of exotic food came into effect on Wednesday. The department's resources protection unit officer Hairul Effendy Adzmi said the presence of enforcement officers was vital to ensure that turtles eggs were not sold even discreetly. "Today (Wednesday) is the first day of the total ban on the sale of all turtle eggs in Terengganu. We are satisfied that no traders sold the eggs during our checks at Pasar Besar Kedai Payang. We will also constantly monitor eateries and online sales," he said. Some traders said they had to comply with the ban because they did not want to face legal action. **Bernama**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/6/2022	THE SUN	NEWS WITOUHT BORDERS	4

Chicken price cap extended to June 30

PUTRAJAYA: The government has agreed to extend the maximum retail price of standard chicken, super chicken and eggs until June 30.

Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi said the decision to extend the maximum price scheme was made at a Cabinet meeting on Wednesday.

The scheme, implemented on Feb 5, is supposed to end on Sunday.

"It is to ensure that Keluarga Malaysia would be ready for the price change when the price determination ends on June 30," he said in a statement yesterday.

Under the maximum retail price determination, the cost of standard round chicken and super round chicken in Penisular Malaysia is RM8.90 and RM9.90 respectively per kilogramme.

For chicken eggs, Grade A is at 43 sen each, Grade B at 41 sen and Grade C at 39 sen.

In Langkawi, Sabah, Sarawak and Labuan, the maximum price of chicken and eggs varies by zone and district.

Nanta said the Finance Ministry would look into a proposal on providing assistance to the low-income group to address the increase in price of goods after the scheme expires.

He added officers would conduct enforcement checks on a daily basis nationwide to ensure stable supply of goods and to prevent profiteering by traders.

Nanta called on the business community to be ethical and advised consumers to spend prudently and only buy according to their needs.

- Bernama

HANDLING INFLATION

Time to revisit food security policies

THE rising prices of goods and services have agitated many and that is not surprising. Malaysia has had good track record in managing inflation for many years.

However, the present inflationary pressures have been reacted by a combination of the depreciating ringgit, breakdown in global supply chains and the Russia-Ukraine war, to name a few.

What is of concern is locally produced vegetables are also increasing in prices for less certain reasons, other than market structure imperfections.

Some are of the view that greater use of legal power, such as the Emergency Ordinance and the Price Control Act, may contribute to some increases in food supply and controls on pricing.

The economic policy dimension of inflationary control has traditionally involved the deployment of monetary and fiscal policies.

Monetary policy involves the use of interest rates and money supply to curb inflationary expectations, while fiscal policy ala Keynes is to use taxes and expenditure.

In this context, the central bank recently increased the Overnight Policy Rate by 25 basis points to encourage saving and shoring up the ringgit.

It may not be raised higher because that will increase the cost



**TAN
SRI DR
SULAIMAN
MAHBOB**

of funding and may affect national recovery, which is still in a fragile state.

The central bank has also not increased the Statutory Reserve Ratio. It still has this option if it wishes to.

On the other hand, the fiscal policy remained expansionary to support economic recovery momentum. For now, the fiscal policy will never take the contractionary policy stance often deployed to curb hyperinflation.

The prolonged deficit budgetary position would not easily be bent on the need for a surplus budget, except in the early 1990s when the economy clocked formidable growth of eight to nine per cent annually for about a decade.

To be fair, the government has given much subsidy to agricultural producers to support domestic production. It seems the way out is to look at the issue as a medium-term challenge and to beef up the supply side.

For those who may not remember supply side economics, one can refer to how Malaysia overcame its 1985-1986 economic crisis.

We undertook significant deregulation and liberalisation measures to attract private investments and encourage domestic businesses, which hitherto had been discouraged by an over-regulated economy.

As a result of these structural adjustments, the economy went full throttle, charting a growth of eight to nine per cent per annum from 1988 to 1997.

We may have to resort to the traditional way to address food inflation by beefing up domestic production using our unfilled land and unemployed labour resource. Remember our *buku hijau* programme, when vegetable and plant seeds were distributed freely so that people could plant them in neighbourhoods and house compounds?

These efforts were complemented with *pasar tani* schemes. Supplies were augmented in just a few months and food price inflation was tamed. Is the situation now the same as in the 1980s when the *buku hijau* was launched?

Now, we are confronted with increases in prices of eggs and chicken, imported items, petroleum and public transport too, mainly due to oil price increases amid



Food production and supply planning for all countries will remain a key concern of development policy planning for all countries. BERNAMA PIC

a general economy still in the process of recovery.

Let us take this challenge squarely and enhance production with full concern for food security, rice self-sufficiency, significant reduction in food imports, a policy to produce certain level of feedstuffs for our livestock industry, and other critical concerns, which also cover nutritional implications and access to food among the poor.

The last time we examined these issues in detail were sometime back, which led to the creation of a few related public policies and agencies.

A revisit of these policies and institutions is timely to prepare for the next set of public policies that would be relevant for another decade or so.

Food production, supply and prices will remain a key concern in development policy planning for all countries.

There have been some changes brought about by public outcry on food shortages and price escalations.

In this matter, we do have the experience in enhancing food production, in particular of rice. We also have the institutions that can be deployed with new policy mandates.

We just have to put our act together again and give a serious policy attention to this important political economic matter.

The writer is chairman of Malaysian Institute of Economic Research (MIER) and CEO of the National Recovery Council

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/6/2022	THE STAR	MUKA DEPAN	1

A new schooling era

Will students be evaluated properly, and will they lose the competitive edge without exams? These are among the questions raised after the government's move to abolish the Form Three Assessment. The onus is now on teachers to provide holistic, effective and unbiased evaluations in school-based assessments.

> See reports on page 4 by REBECCA RAJAENDRAM, SANDHYA MENON, MANJIT KAUR, MOHD FARHAAN SHAH and A. THIRUMALNI



Photo: AZHAR MAHFUD/The Star

Nation

Maximum RM1mil penalty against poachers lauded >8

Crying 'fowl' over chicken feed price

With the ceiling price for poultry and eggs extended until the end of the month, chicken breeders are urging the government to do more to stabilise the price of chicken feed. The high cost of chicken feed will push up the cost of breeding the birds, they say.
> See reports on page 2 by MAZWAN NIK ANIS and RAHIMY RAHIM



Ceiling price of chicken, eggs to stay until June 30

By MAZWIN NIK ANIS
mazwin@thestar.com.my

PUTRAJAYA: The ceiling price for chicken and eggs, which is supposed to end this Sunday, has been extended until the end of the month.

Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi (*pic*) said the extension was decided by the Cabinet at its weekly meeting on Wednesday.

"The extension for the implementation of these produce is to ensure consumers are prepared for the price changes when the scheme

ends on June 30," he said yesterday.

In February, the government set the ceiling price of standard chicken at RM8.90 per kg for four months up to June 5.

The measure was taken to ensure the price of chicken remains affordable.

The price for whole super chicken is RM9.90 per kg, while the ceiling price for grade A eggs is set at 43 sen each, grade B eggs at 41 sen and grade C at 39 sen.

Nanta said the maximum price



for chicken and eggs for Langkawi, Sabah, Sarawak and Labuan differed according to zones and districts.

"As a concerned government, the Finance Ministry will look into the proposal for subsidies to be given to target groups and those in the low income bracket.

"The study will include the subsidy rate and the right mechanism to channel the aid to tackle the increase in prices when the maximum ceiling ends," he added.

"The ministry's enforcement officers will step up surveillance and enforcement to ensure supply of essential goods is stable and that there is no profiteering.

"Trading communities must be ethical in carrying out their businesses.

"They must not engage in profiteering just to make unreasonable profits."

Watch the video
TheStarTV.com



'We need the govt's help'

Breeders want mechanism to stabilise price of chicken feed

By RAHIMY RAHIM
rahimyr@thestar.com.my

PETALING JAYA: Local chicken breeders want a better mechanism to stabilise the price of chicken feed and to expedite subsidy payment after the government's move to remove subsidy for chicken breeders beginning July 1.

Chicken breeder Mohd Fathi Jais, 49, said that the government must help local chicken breeders by stabilising and making chicken feed more affordable in the market.

He said that the price of chicken feed has been going up since 2020.

"If the cost of chicken feed is high, it will push the price of breeding chicken to be high.

"During the last season, I sustained losses of about RM60,000 due to low quality chicken feed resulting in my chickens not growing as big as expected by the time they were ready for market," he said yesterday.

Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob announced that the government will no longer provide subsidies to chicken breeders from July 1.

Instead it will be channelled directly to the people who are in



In a bind: A worker putting chickens into a cage for transport to market at a poultry farm in Sepang, Selangor. Breeders are also urging the government to expedite subsidy payments. — Reuters

need of assistance, especially those in the below 40 income group (B40), adding that this was aimed at ensuring the people are not burdened by the hike in chicken prices.

Mohd Fathi, who has been in the industry since 2018, said that the government also needs to look into ways to facilitate and expedite the

payment of subsidies to chicken breeders who have applied previously.

"I had already applied in February this year but now its already June and I still have yet to receive the subsidy," added the chicken breeder who has a poultry farm in Ijuk, Selangor.

He said that the cost to breed one chicken is estimated at RM12 each with the weight of 2.2kg.

"If the cost of chicken feed goes up, it will be difficult for us," he added.

Another chicken breeder who wanted to be known as Tan, 45, said the authorities should make it easier for new breeders to get the licence to breed chicken.

"On top of that, the government can consider providing a more reasonable rate to sell whole chicken.

"We are also looking for foreign workers for our farms," he said.

Federation of Malaysian Consumer Associations (Fomca) deputy president Mohd Yusof Abdul Rahman said it is acceptable for the government to do away the subsidy for chicken breeders since there was not much response for it.

"It could be because many of them are big players.

"Perhaps, it is better for it to be used for others especially for those in the B40 group," he said.

However, he hoped the government would continue to find the best ways to ensure that the supply of chicken would remain stable while the prices are affordable for consumers.